

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Minimum-Maksimum</b>
<b>Gred U41</b>	: RM2259.08 - RM6909.25
<b>Gred U44</b>	: RM3422.66 - RM7268.66
<b>Gred U48</b>	: RM5007.64 - RM8356.59
<b>Gred U52</b>	: RM5641.31 - RM9108.00
<b>Gred U54</b>	: RM5941.64 - RM9717.04

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pemulihan perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U41 : RM2,259.08)

- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN  
PANGKAT SECARA  
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jurupulih Perubatan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c) di atas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Pegawai Pemulihan Perubatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**
6. Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U44**
9. Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U44 yang kosong apabila telah :-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U48**
10. Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U44 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U48 yang kosong apabila telah :-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan ; dan
  - (b) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED U52**

11. Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U48 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U52 yang kosong apabila telah :-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - (b) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED U54**

12. Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U52 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U54 yang kosong apabila telah :-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan ;dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED YANG LEBIH  
TINGGI**

13. Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.